

CERAMAH KESEDARAN MELAYU ISLAM

Sejarah Perkembangan Tasawuf & Tarekat

LAMPIRAN

(KOD: Kemudi/T12/L2)

Oleh:

Pertubuhan NGO Kesedaran Melayu & Islam
(KEMUDI)

Kronologi Perkembangan Tasawuf & Tarekat

Golongan sufi terawal wujud di zaman Rasulullah ﷺ, iaitu yang dikenali sebagai ahli suffah, menjalani kehidupan penuh kezuhudan, sentiasa beristiqamah dalam mencari ilmu dan berzikir disamping membantu Rasulullah ﷺ menjalankan urusan pentadbiran di dalam atau di luar negara. Diantaranya ialah Salman al-Farisi, Abu Hurairah, Abu Zar al-Ghiffari, Abu Said al-Khudri, Abdullah bin Mas'ud, Saad bin Abi Waqqas, Uqbah bin Amir, Tamim ad-Daari dan lain-lain.

Pada peringkat ini, nama tasawuf dan tarekat belum muncul kerana kedua-duanya masih bersepadu dalam kehidupan mereka.

Dalam lain makna, walaupun pada masa dahulu tidak ada istilah-istilah seperti Usuluddin, Usul Hadeeth, Usul Feqah, Usul Tafsir, Nahu, Sorof, Balaghah, Tauhid, Aqidah, Tasawuf, Tarekat dan sebagainya, namun hakikatnya kesemua ilmu-ilmu Islam ini adalah berasal daripada Rasulullah ﷺ sendiri yang diwujudkan dalam bentuk BERSEPADU, iaitu tanpa dipisah-pisahkan diantara satu dengan yang lain, bersatu dan bersebatи umpama garam yang terlarut di dalam air.

Ajaran Rasulullah ﷺ dalam bentuk sepadu itu telah diikuti dengan penuh kesetiaan dan dedikasi oleh para sahabat baginda RA anhum dan sebilangan besar dari kalangan umat Islam di zaman tabi'in dan tabi'ut-tabiin. Mereka masih mengamalkan Islam yang kamil atau sempurna, dan syumul atau menyeluruh. Mereka semua ini termasuk dalam "Khairul Qurun" (generasi terbaik-hidup dalam 300 tahun pertama Hijrah) seperti yang disabdakan oleh Rasulullah ﷺ : "*Sebaik-baik manusia adalah (yang hidup) di zamanku, kemudian orang-orang setelahnya, kemudian orang-orang setelahnya*". (Bukhari, no. 2652, Muslim, no. 6635)

Tokoh-tokoh sufi di zaman tabi'in (generasi yang mengikut sahabat) yang meneruskan kesinambungan peranan ahli suffah ialah Imam Hasan al-Basri (lahir 21H), Uwais al-Qarni (wafat 35H), Ali Zainal Abidin as-Sajjad (lahir 36H), Muhammad al-Baqir (lahir 54H), Ja'far as-Sodiq (lahir 80H), Sufyan as-Sauri (lahir 97H), Ibrahim bin Adham(lahir 96H), Abdullah bin Mubarak (lahir 118H), Malik bin Dinar (wafat 126H), Syaqiq al-Balkhi (wafat 194H), Daud at-Ta'i (165H), Rabiatul Adawiyah (wafat 185H), Alqamah bin Marsad (wafat 120H), Rabi' bin Khaisam, Haram bin Hayyan, Abu Muslim al-Khaulani, Amir bin Abdullah dan lain-lain.

Tokoh-tokoh sufi pada zaman tabiut tabi'in (generasi yang mengikut tabi'in) pula ialah Hatim al-Asim, Abu Yazid al-Bustomi(lahir 252H/874M), Siri as-Saqti, Junaid al-Baghdadi (lahir 208H/830M), Bisyr al-Hafi, Fudhail bin Iyadh, Zun Nun al-Misri (lahir 174H/796M), Ali al-Uraidi (lahir 129H/751M), Ahmad al-Antoki, Zuhair al-Marwazi, Abul Abbas at-Tabari dan lain-lain.

Bagaimanapun pada ketika itu istilah TAREKAT, iaitu AMALAN AHLI SUFI masih belum timbul lagi. Bermakna dalam teori atau ajaran tasawuf sendiri terkandung amalan tarekat. Teori (tasawuf) dan Amali (tarekat) menjadi satu perkara yang sepadu, dikerjakan oleh ahli-ahli sufi dengan tidak dipisah-pisahkan diantara satu dengan yang lain.

Itulah sebabnya di zaman Imam Junaid Al-Baghdadi dan Imam Abu Yazid Al-Bustami, dua orang tokoh ulama tasawuf/tarekat yang besar, mereka hanya dikenali sebagai ulama tasawuf sahaja dan tidak dikenali sebagai ulama tarekat kerana amalan tarekat pada masa itu terkandung dalam bidang tasawuf sendiri.

Tetapi apabila umat bertambah jauh dari zaman-zaman dan kurunkurun yang mulia, ilmu tasawuf sendiri telah dipisah-pisahkan dari amalannya. Kesibukan masyarakat Islam dalam mengejar dunia ni telah menyebabkan ilmu tasawuf hanya tinggal teori sahaja dan dijadikan sebagai suatu pembahasan ILMU AKHLAQ semata-mata.

Maka dalam kurun ke 4-6 Hijrah muncullah pula alim-ulama sufi yang giat menyusun amalan-amalan tasawuf berdasarkan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah yang dapat dipraktikkan kembali oleh umat Islam supaya hati yang berkarat dapat disucikan dan hubungan dengan Allah SWT dapat diperbetulkan semula. Dari sini timbulah istilah TAREKAT yang digunakan sebagai menunjukkan suatu bentuk madrasah untuk menyepadukan teori dan amali tasawuf secara bersepada semula sebagai jalan penyucian hati mengikut kaedah-kaedah yang dipeloporkan oleh seseorang syeikh tarekat sebagai penyusunnya.

Contohnya Syeikh Imam Abu Ahmad Badruddin adalah penyusun Tarekat Chistiyyah, Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani adalah penyusun Tarekat Qadiriyyah, Syeikh Abdullah Asy-Syathari adalah penyusun Tarekat Syattariyyah, Syeikh Bahauddin An-Naqsyabandi adalah penyusun Tarekat An-Naqsyabandiyah, Syeikh Abu Yazid Al-Bustami adalah penyusun Tarekat Taifuriyyah, Imam Muhammad Faqih Muqaddam penyusun Tarekat Alawiyyah/Ba'lawi dan sebagainya.

Perlu difahami juga bahawa keempat-empat imam mazhab adalah merupakan pengamal kesufian dalam diri mereka. Maka sememangnya keempat-empat Imam Mujtahidin itu berguru kepada guru yang kamil ilmu dan amalannya, bahkan mereka juga menjadi guru dan pengamal tasawuf/tarekat.

Contohnya Imam Abu Hanifah berguru dari Imam Ja'far as-Sadiq. Imam Abu Hanifah sendiri merupakan guru kepada ulama tasawuf/tarekat yang ternama seperti Syeikh Ibrahim Adham, Syeikh Fudhail bin Iyadh, Syeikh Daud At-Ta'i dan Syeikh Bishr Al Hafi . Imam Malik berguru kepada Imam Jaafar as-Sadiq , seorang ahlul-bait Rasulullah ﷺ yang merupakan guru tasawuf/tarekat yang terkemuka. Imam Ahmad bin Hanbal pula

pernah berguru kepada Syeikh Maaruf Al Karkhi , manakala Imam Syafiee pula berguru kepada seorang guru sufi bernama Syeikh Salim Ar Ra'i .

Dengan sebab itu Allah SWT telah mengangkat darjat Imam-Imam Mujtahidin ini, bukan sebagai ulama sahaja tetapi sebagai Aulia' Allah pada darjat WALI ABDAL, NUJABA' dan AUTAD. Malahan Imam Syafiee sendiri telah sampai kepada martabat WALI QUTUB. Demikianlah yang telah disebutkan oleh pengikut-pengikutnya dari golongan Fuqaha seperti Imam An-Nawawi .

Bahkan tidak terdapat alim-ulama agung dan hebat pengetahuannya melainkan mereka telah berguru kepada alim-ulama tasawuf/tarekat. Contohnya Imam Al-Ghazali yang sudah bergelar Hujjatul Islam, seorang pensyarah di universiti tetapi berguru kepada Syeikh Abu Ali Al-Farmadi seorang tukang kasut yang merupakan pakar tasawuf. Al-Imam An-Nawawi pula berguru dengan seorang wali Allah bernama Syeikh Yassin Al-Muzaiyan.

Seperti yang disebutkan sebelum ini bahawa istilah Tasawuf dan Tarekat hanya muncul pada akhir kurun kedua Hijrah, bermakna dalam zaman kemunculan keempat-empat Imam Mazhab Feqah iaitu Imam Maliki, Hanafi, Syafiee dan Hanbali, bidang tasawuf/ tariqah masih bersifat sepadu, iaitu tidak dipisahkan diantara ilmu dengan amalan sebagaimana yang dibuat oleh Rasulullah ﷺ dan para sahabat baginda.

Beberapa Kategori Ilmu Tasawuf

1. Sejarah tasawuf bermula dengan kewujudan golongan **Ahli Zuhud** (*ascetics*) iaitu ahlus suffah di zaman Rasulullah ﷺ. Antara sahabat Nabi yang demikian adalah Salman al-Farisi. Di zaman tabiin, Hassan al-Basri (720 Masihi) juga mengikut cara zuhud. Bermakna tasawuf itu zuhud dan zuhud itu tasawuf.

Ibrahim bin Adham (777M) dan Rabiatul Adawiyah (801M) pula adalah ahli zuhud yang terkenal di zaman mereka. Pada peringkat ini tasawuf itu lebih kepada kehidupan ZUHUD yang bercampur didalmnya konsep mujahadah dan kecintaan.

2. Kemudian wujud **Tasawuf Falsafah**, bermula semenjak zaman Zun Nun al-Misri (859M). Beliau memperkenalkan konsep makrifat dan maqamat yang mana ahli sufi perlu melalui peringkat-peringkat makam dalam perjalanannya kepada Allah ta'ala.

Abu Yazid al Bustami (875M) pula memperkenalkan doktrin *fana' fi'l-tawhid*. Beliau bukan sahaja merupakan seorang tokoh sufi yang agung, merupakan seorang ahli teologi, falsafah dan puitis yang cemerlang.

Bagaimanapun Syeikh Junaid al-Baghdadi (910M), mengetengahkan pendapat adalah lebih baik untuk menenggelamkan zauq dalam hikmah bukan menenggelamkan hikmah dalam zauq (merasa dengan deria batin dan matahati).

Abu Talib al-Makki (wafat 129H/996M) muncul dengan kitabnya *Qutul Qulub* telah merintis penulisan ilmu tasawuf zahir dan batin secara terperinci dan teratur. Ia dijadikan antara kitab rujukan terawal oleh para ulama tasawuf yang datang setelahnya.

3. Kemudian muncul **Tasawuf Akhlak atau Tasawuf Sunni** dengan bangkitnya *Hujjatul Islam*, iaitu Syeikh Abu Hamid al-Ghazali@ Imam Ghazali (1111M) merupakan penyelamat kepada ilmu tasawuf di tengah-tengah kecelaruan umat Islam yang dibanjiri fahaman-fahaman teologi yang bersifat spekulatif atau agak-agakan, yang menggunakan akal semata-mata tanpa panduan dalil-dalil naqal, iaitu bersumber dari ahli falsafah Greek dan Yunani. Imam Ghazali berjasa dalam meningkatkan martabat tasawuf dalam kerangka ortodoks, dengan memperseimbang serta mengharmonikan diantara ilmu aqliyah dan naqliyah, syariat dan hakikat.

4. Kemudian wujud **Tasawuf Makrifat Hakikat** oleh Imam Muhyiddin Ibnu Arabi (1240M), dikatakan seorang ahli falsafah sufi yang teragung, menerangkan sejarah dan aspek-aspek tasawuf secara lengkap dan menyeluruh. Pada peringkat ini ilmu tasawuf telah amat matang, menyentuh kepada tahap ketauhidan dan makrifat ketuhanan yang amat tinggi.

5. Imam Abdullah bin Alwi al-Haddad (lahir 1044H/1634M) telah muncul dengan memberi suntikan dan nafas baru kepada dunia tasawuf dengan menggabungkan tasawuf teori dan amali akhlak zahir dan batin dengan seimbang dan pendekatan yang lebih sesuai untuk zaman mutakhirin.

Kesimpulannya, tasawuf dan tarekat telah melalui suatu proses yang cukup panjang, melalui fasa demi fasa sehingga mencapai kematangannya dalam bidang kerohanian dan kebatinan.

Tarekat

Istilah ‘Tarekat’ berasal dari Bahasa Arab: (طريق), menurut makna bahasa Arab maksudnya: ‘jalan’, ‘metod’ atau ‘cara’. Menurut istilah tasawuf dalam Islam maksudnya: ‘suatu jalan/kurikulum kerohanian yang khusus bagi orang-orang yang berjalan menuju Allah mengharungi berbagai rintangan untuk mencapai peningkatan rohani melalui pimpinan mursyid’.

Dalam lain makna, tarekat yang ertiannya ‘jalan’ bermaksud jalan untuk menjadi orang bertaqwa dan direhái Allah swt. Secara praktiknya, tarekat adalah himpunan amalan-amalan taqwa (zahir dan batin) yang bertujuan membawa seseorang menjadi orang bertaqwa.

Tarekat bolehlah diumpamakan sebagai sebuah madrasah yang mana subjek pengajian utama di dalamnya ialah Ilmu Tasawuf, matlamatnya ialah mencapai Maqam Ihsan. Ihsan adalah rukun agama yang ketiga yang wajib direalisasikan oleh setiap mukmin untuk menyempurnakan kehidupan agamanya.

Tarekat juga seumpama organisasi yang menggabungkan Iman (Tauhid) dan Islam (Syariat) dalam bentuk Ihsan. Hasilnya melahirkan graduan rohani atau mereka yang mempunyai hati yang selamat sejahtera dibawa pulang ke akhirat. Melalui praktik rohaniah dan bimbingan seorang pemimpin tarekat, calon penghayat tarekat akan berupaya mencapai makrifat dan hakikat.

Walaupun pada zaman Rasulullah ﷺ nama tarekat belum lagi masyhur namun asal-usul perjalanan ini adalah diambil dari kehidupan Rasulullah ﷺ sendiri bersama para sahabatnya terutama golongan ahli Suffah yang telah menjalani kehidupan yang zuhud dan mursyid, yang mana pembimbing mereka ialah Rasulullah ﷺ sendiri. Mereka sentiasa berada didalam Masjid Nabawi untuk mendapatkan bimbingan rohani daripada baginda.

Seperti mana perkataan tauhid, fiqh, nahu, sorof, mustalah hadis dan lain-lain yang belum wujud pada zaman Rasulullah ﷺ, hanya muncul selari dengan perkembangan Islam apabila ilmu-ilmu tersebut mula dibentuk dan disusun secara sistematik oleh alim-ulama Islam yang hidup diantara 100-200 tahun setelah kewafatan Rasulullah ﷺ. Begitulah perihalnya dengan ilmu tariqat dan ilmu tasawuf, apabila ulama melihat perkembangan Islam yang semakin meluas dan semakin ramai umat Islam sudah mula mengabaikan aspek kerohanian dan kebatinan yang merupakan intipati agama ini, maka ulama seperti Imam Junaid al-Baghdadi telah mengambil intipati ajaran tasawuf dan tarekat dari al-Quran dan Hadis kemudian disesuaikan proses tarbiah dan *tazkiyatun nufus*(penyucian jiwa) dengan rentak zaman, keadaan, murid dan situasi.

Penyusunan ilmu tarekat dikemaskini dengan lebih teratur oleh Syaikh Abdul Qadir al-Jailani(wafat pada 561H) yang mempunyai ribuan murid.

Metodologi tarekat yang digunakan oleh para mursyid (pembimbing tarekat) adalah berbeza namun hampir kesemuanya lebih tertumpu pada menghubungkan hati kepada Allah dalam setiap masa dan keadaan. Konsep yang dipakai juga berbeza-beza, ada yang selesa dengan konsep mujahadah, ada yang lebih kepada konsep cinta, ada juga konsep syukur dan sabar, konsep puasa serta berbagai lagi bentuk rupa konsep dan amalan.

Tarekat yang asalnya bermatlamat melahirkan mukmin sejati akhirnya telah menghasilkan mujahid-mujahid agama yang bertebaran ke

seluruh dunia untuk menyebarkan Islam dengan hikmah dan kasih sayang. Sejarah perkembangan dan dinamika Islam banyak membuktikan bahawa jasa dan pengorbanan ahli tarekat dan tasawuf telah memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi pengaruh kepada dunia Islam dengan membawa amalan Islam dan intipati ajarannya ke seluruh pelosok alam termasuklah di alam Nusantara ini.

Seperti mana dalam ilmu tauhid dan fiqah, ada saja golongan yang tersesat didalamnya kerana godaan nafsu, begitu juga nasib yang dialami oleh sesetengah ahli tarekat. Namun amat silap jika seseorang memandang sinis dan langsung meninggalkan ilmu tauhid, fiqah dan tasawuf/tariqat hanya kerana wujud segelintir mereka yang tergelincir.

Hakikatnya masih banyak aliran tarekat yang masih berada diatas landasan yang benar dan sahih sehingga kini berupaya dan berpotensi membawa manusia kepada merealisasikan tujuan kita dicipta Allah Taala di alam dunia ini.

Antara aliran-aliran tarekat dalam Islam adalah seperti berikut:

1. Tarekat Qadiriyyah
2. Tarekat Syadziliyah
3. Tarekat Naqsabandiyah
4. Tarekat Yasafiyah dan Khawajagawiyah
5. Tarekat Khalwatiyah
6. Tarekat Syatariyah
7. Tarekat Rifa'iyyah
8. Tarekat Ahmadiyah Idrisiyyah
9. Tarekat Sammaniyah
10. Tarekat Tijaniyah
11. Tarekat Chistiyah
12. Tarekat Mawlawyah
13. Tarekat Ni'matuliyah
14. Tarekat Sanusiyah
15. Tarekat Alawiyyah / Haddadiyah

16. Dan lain-lain

Ringkasan Pemikiran Tasawuf dan Tarekat

1. Pada umumnya pemikiran tasawuf dan tarekat dapat dibahagikan kepada tiga elemen asas, iaitu :

i. Akhlak dan Adab @ Tasawuf Sunni

Umumnya, elemen adab dan akhlak dalam tasawuf adalah bersumber dari ajaran Imam al-Ghazali, khususnya dari kitab *Ihya Ulumiddin*, *Bidayatul Hidayah*. dan *Minhajul 'Abidin*.

Di Alam Melayu, kitab *Ihya Ulumiddin* telah disadur oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani dalam karyanya *Siyarus Salikin* sementara kitab *Bidayatul Hidayah* disadur dalam karyanya *Hidayatul Salikin*.

Kitab *Minhajul Abidin* pula diterjemah oleh Syeikh Wan Daud al-Fatoni dalam judulnya yang sama. Terkandung pada kitab ini konsep Gunung Tujuh (*al-'Abaqat al-Sab'ah*), iaitu proses pendakian ke arah mencapai kebahagian hakiki di dunia dan akhirat. Tujuh elemen tersebut adalah Ilmu, Taubat, Penghalang, Godaan, Pembangkit, Pencela, Puji dan Syukur.

Para ulama tasawuf sepakat tentang kepentingan akhlak dan adab, yang membezakan hanyalah kedudukannya dari aspek pentarafan Ilmu Tasawuf. Satu golongan menganggap unsur adab dan akhlak merupakan permulaan perjalanan seorang salikin (*Mubtadi*), yang akan melangkah ke peringkat *Mutawasit* (pertengahan) dan akhirnya sampai ke makam *Muntahi* (tertinggi).

Satu golongan lagi menganggap bahawa perkara adab dan akhlak adalah inti kepada tasawuf dan tarekat.

Perkara adab dan akhlak terangkum padanya pengenalan kepada sifat-sifat keji atau tercela (sifat *mazmumah*) dan bagaimana kaedah menghapuskannya, serta apakah sifat-sifat terpuji (sifat *mahmudah*) dan bagaimana cara memperolehinya.

Sifat-sifat ini terbahagi pula kepada yang zahir dan yang batin, yang mana seorang salikin itu perlu melalui proses *takhalli* (bersih daripada sifat tercela), kemudian proses *tahalli*

(mengisinya dengan sifat terpuji) sehingga akhirnya akan tercapailah *tajalli* (kenyataan makrifat Tuhan).

Bagi ulama tarekat, ajaran tentang akhlak serta amalannya adalah merupakan jalan-jalan (tarek) menuju Allah, yang terdiri daripada beberapa tingkatan atau *maqam* dan *ahwal*. Yang dimaksudkan dengan makam ialah tingkatan seorang salikin (iaitu yang menempuh jalan tasawuf) ke arah pencapaian tujuan terakhir, sedangkan *ahwal* merupakan pengalaman-pengalaman batiniyyah yang ditempuhinya sepanjang perjalanan tersebut.

ii. **Wirid, Zikir & Ratib (Mengidentitikan Tarekat)**

Elemen ini merupakan teras yang mengidentitikan sesebuah tarekat, dimana para pendukungnya melakukan amalan zikir, wirid dan ratib di bawah bimbingan mursyid atau khalifah/syeikh yang di bawah mursyid.

Antara elemen-elemen tarekat adalah:

- Salasilah tarekat
- Kasyaf (melalui mimpi atau yaqaza¹) dan Ilham
- Talqin@Bai'at
- Kaifiyat (amalan dan cara wirid dan zikir). Eg zikir qauli, zikir qalbi dan zikir fi'li. Bacaan zikir qauli secara nyaring (jahr/jail) atau perlahan (sir/qalbi)
- Rabitah (membayangkan rupa syeikh, berdasarkan mahabbah)
- Tawassul & Wasilah
- Manaqib dan Haul
- Zawiyah@Khanqah
- Konsep Wali & Karamah

Menurut Profesor Muhammad Kamal Hassan²

“ Perkara utama yang membezakan diantara sufi dengan ulama ortodoks ialah konsep ilham@‘divine intuition’. Ulama ortodoks menganggap bahawa wahyu berakhir dengan al-Quran

¹ Contohnya pendukung tarekat Ahmadiyyah mengatakan pengasasnya bertemu suri dengan Rasulullah ﷺ dan Nabi Khidr sehingga memperolehi tiga wirid iaitu *tahlil*, *salat al-azimiyyah* dan *istighfar al-kabir*

² Muhammad Kamal Hassan, *The Sufi Concept of Ubudiyyat* (KL, al Rahmaniah, 1982), hlm 5

dan berpuashati dengan mendalami Hadiths dan warisan ulama mujtahidin, sedangkan kaum sufi mempercayai kemungkinan berkesinambungan perkara-perkara kasyaf dan ilham dari Allah swt”

Dalam dunia sufiisme, seseorang salikin itu akan melalui proses perjalanan dari satu maqam ke satu maqam. Iaitu dari maqam fitrah seorang insan (*nasut*), yang mana si salik perlu memperbaiki serta mengerjakan semua amalan syariatnya, dan ini adalah makam rohaniyat yang paling rendah. Kemudian si salik perlu melalui tarekat atau jalan sehingga dapat mencapai makam penyucian (*malakut*). Selepas itu akan berjalan lagi sehingga akhirnya mencapai *Maqam Jabarut* yang melayakkannya mencapai *Makam Makrifat* dan *Haqiqat*, sehingga bertemulah *fana'* dengan *baqa'*.

Yakni SYARIAT, TAREKAT, MAKRIFAT DAN HAKIKAT

iii. Tasawuf Falsafah & Metafizik

Terbahagi kepada tiga bidang, iaitu:

- Tuhan & Ketuhanan (Aqidah)**

Konsep *Wahdatul Wujud* bersumber dari ajaran Muhyiddin Ibnu Arabi dalam karyanya *Futuhat Al Makiyyah* dan *Fusus Al-Hikam*

Menurut Syeikh Abdul Samad al Falembani, Tauhid orang awam adalah menekankan perbezaan Tuhan dengan alam. Sedangkan Tauhid tingkat tertinggi yang menjadi tujuan kaum sufi adalah memandang bahawa wujud yang hakiki hanyalah satu, iaitu Allah. Bermakna alam dan zat manusia adalah manifestasi zat Allah, bermakna wujud Allah dan wujud manusia adalah satu juga (*Fusus al-Hikam*).

Tan Sri Profesor Syed Muhammad Naquib al Attas bersetuju dengan pendapat ini, beliau mengatakan: “*The core of sufi doctrines is the doctrine of Wahdatul Wujud (unity of existence), based upon the unity of God (Tauhid). ... not only there is no god but God, but the only exixtance is God*”

Wahadul wujud bolehlah diumpamakan seperti cermin yang mana zat yang memantulkan gambar pada cermin merupakan wujud hakiki, sedangkan imej dalam cermin walaupun nampak serupa dan berbentuk, tetapi hanyalah illusi, tiada zat di situ. Pengalaman wahdatul wujud ditempuhi oleh Hallaj dan Syeikh Siti Jenar sehingga mengungkapkan ayat “*Akulah Tuhan, Akulah Allah..*”

Wahdat al-Syuhud pula berpendapat bahawa segala yang dipandang tampak wajah Tuhan. Kesatuan dalam terminologi Ibn al-Faridh bukan penyatuan dua wujud, tetapi penyatuan dalam erti yang disaksikan hanya satu, iaitu Wujud Yang Maha Esa. Pluralitas yang tadinya nampak menjadi lenyap sehingga segala sesuatu nampaknya satu kesatuan kerana ia telah mampu “menghadirkan” Tuhan dalam dirinya melalui tajalliyat Ilahi.

Tajalli dalam konsep Ibn al-Faridh ada dua segi, yaitu : pertama, tajalli secara zhahir, yakni melihat **Yang Esa pada yang aneka; yang kedua, tajalli secara batin, yakni melihat yang aneka pada Yang Esa**. Dengan kata lain, barangkali dapat dianalogikan dengan makro dan mikro. Dengan memerhatikan makro kosmos dapat “melihat” mikro kosmos dan sebaliknya. Pengalaman yang demikian dimungkinkan kerana fananya dan asyiknya sehingga tidak merasakan serta tidak melihat (syuhud) sesuatu selain Allah Yang Maha Tunggal

- **Alam @ Kosmologi**

Konsep *Tanazullat* (penurunan) kosmologi yang bersumber dari ajaran Ibnu Arabi. Aqidah orang awam menyebut bahawa selain dari Allah, semuanya adalah makhluk ciptaanNya dari tiada. Sedangkan tasawuf falsafah membahagikan tahap kewujudan dari wujud Illahi sehingga wujud insan. Ibnu Arabi misalnya, membahagikan tahap kewujudan tersebut kepada 5 peringkat, Abdul Karim al-Jilli pula membahagikan kepada 40 peringkat, sedangkan Muhammad Ibn Fadhlullah al-Burhanpuri membahagiakn kepada tujuh martabat yang terkenal sebagai “Martabat Tujuh”.

Martabat Tujuh yang dimaksudkan itu adalah Martabat Ahadiyah, Wahdah, Wahidiyah, Alam Arwah, Alam Mithal, Alam Ajsam dan Alam Insan

Alam nyata merupakan mazhar, penzahiran, tajalli ataupun kesan dari asma, sifat dan af'al Allah, yang tanpanya Allah tidak dikenali.

Ianya berdasarkan suatu Hadith Qudsi yang menyebut: *Aku adalah perbendaharaan yang tersembunyi, Aku ingin dikenali, maka Aku jadikan makhluk sehingga mereka mengenaliKu*" (Hadith Qudsi)

Bermakna keperluan wujudnya alam adalah sebagai manifestasi akan kehendak Allah yang ingin melihat dirinya yang mutlak terjelma pada berbagai bentuk empiris yang terbatas.

Dibicarakan ciri-ciri alam sebagai *maratib al wujud*, semenjak dari wujudnya biji-biji pasir, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan berbagai alam sampailah kepada yang paling 'rapat' dengan hadrat Ketuhanan. Dibicarakan alam sebagai *tajalli* dari Yang Mutlak, meintasi *Alam Nasut, Malakut dan Lahut* dalam *metacosm, macrocosm* dan *microcosm* pada skema yang ditentukan.

Dalam hal ini, seorang tokoh penulis pemikiran dan kebudayaan budaya Melayu yang bernama Abdullah bin Mohamed Nakula (lahir 1931), telah menterjemahkan konsep Martabat Tujuh dalam aspek pemikiran dan kebudayaan Melayu, umpama bentuk-bentuk bangunan masjid, perlambangan bunga teratai, bulan dan wau bulan.

- ***Manusia @ Psikologi***

Diterangkan tentang kedudukan manusia sebagai *mikrocosm* (alam kecil) dalam *macrocosm* (alam besar), iaitu sebagai manifestasi alam.

Pengkhususan kepada kejiwaan ataupun kebatinan manusia iaitu roh, qalbu, akal, nafs dan sebagainya. Syeikh Abdul Samad al-Falembani banyak membahaskan perkara ini dengan menyebutkan bahawa nafsu manusia itu ada tujuh tingkatan, iaitu:

- i. Nafsu ammarah
- ii. Nafsu lawwamah
- iii. Nafsu mulhamah
- iv. Nafsu mutmainnah
- v. Nafsu radhiah
- vi. Nafsu mardhiah
- vii. Nafsu kamilah, mendapat tauhid makrifat dan hakikat

Wallahu 'alam bissawab

SUMBER RUJUKAN

1. Tan Sri Syed Muhammad Naquib al Attas, , *Some Aspects of Sufism, As Understood & Practised Among Malays*, Malaysian Sociological Research Institute Ltd, Singapore, Malaya Publishing House 1963
2. Abdul Rahman Hj Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah & Aliran*, DBP, 1998
3. Mohd Taib Osman & A Aziz Deraman, *Tamadun Islam di Malaysia, DBP*, 2000
4. Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Penyebaran Tariqat-Tariqat Sufiyyah Muktabarah di Dunia Melayu*, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 200M
5. Teuku Iskandar, *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, Penerbit LIBRA, Jakarta, 1996
6. Mahayuddin Hj Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, DBP, 1998
7. Prof Dr Hj Aboebakar Atjeh, *Tarekat dalam Tasawuf*, Pustaka Aman Press Sdn Bhd, 1993